

LAKARAN KEMBARA TRANSFORMASI

TAN SRI
MOHAMAD
ZABIDI
ZAINAL

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM



DBP

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



LAKARAN KEMBARA TRANSFORMASI

**TAN SRI
MOHAMAD
ZABIDI
ZAINAL**

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



LAKARAN KEMBARA TRANSFORMASI

TAN SRI
MOHAMAD
ZABIDI
ZAINAL

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM



MOHAMAD ZABIDI ZAINAL

PUSTAKA PERDANA



1012315

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2016



KK 354-320-0502013-49-0891-40101

Cetakan Pertama 2016
© Mohamad Zabidi Zainal 2016

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohamad Zabidi Zainal, Tan Sri

LAKARAN KEMBARA TRANSFORMASI : Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam / Mohamad Zabidi Zainal.

Mengandungi indeks

ISBN 978-983-49-0891-1

1. Speeches, addresses, etc.
2. Occasional speeches.
3. Civil service--Malaysia.
4. Public administration--Malaysia.
5. Malaysia. Jabatan Perkhidmatan Awam--Officials and employees.

I. Judul.

354.595006

Dicetak oleh
Attin Press Sdn. Bhd.
No. 29, BS 7/1A
Kawasan Perindustrian Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan





KANDUNGAN

VII : KATA
PENGANTAR

IX : PRAKATA

XI : PENGHARGAAN

XIII : PENGHARGAAN
KHAS

1 : KOLEKSI UCAPAN
KPPA 2013

49 : KOLEKSI UCAPAN
KPPA 2014

67 : KOLEKSI UCAPAN
KPPA 2015

341 : INDEKS



KATA PENGANTAR

Buku *Lakaran Kembara Transformasi: Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam* ini merupakan kompilasi ucapan YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia. Beliau merupakan peneraju yang bertanggungjawab terhadap keseluruhan dasar, program dan aktiviti Jabatan Perkhidmatan Awam. Oleh yang demikian, penerbitan buku ini juga sebagai menghargai jasa bakti YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal yang telah memegang tampuk kepimpinan sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia dari tahun 2013 hingga kini.

Kompilasi ucapan dalam buku ini merakamkan detik-detik bersejarah yang telah direalisasikan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal sepanjang perjalanan transformasi yang diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Perjalanan transformasi ini merakamkan kejayaan beliau membawa perkhidmatan awam negara ke era baharu. Buku ini turut menggambarkan kepimpinan dan keperibadian beliau sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang mengutamakan keberkesanan, kecekapan, keikhlasan dan transformasi dalam perkhidmatan awam.

Program transformasi dan pelan strategik di bawah Perkhidmatan Awam adalah selaras dengan hasrat kerajaan dalam memenuhi harapan rakyat terhadap Perkhidmatan Awam yang harus mengalami perubahan agar kekal relevan, efisien dan memenuhi



VII

kehendak semua pihak. Alhamdulillah, di bawah kepimpinan YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Transformasi Perkhidmatan Awam kini dilihat telah berjaya memberikan impak dan keberhasilan melalui inisiatif transformasi yang telah dilaksanakan oleh semua kementerian dan agensi sektor awam.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal yang telah berjaya merealisasikan Transformasi Perkhidmatan Awam dalam tempoh empat tahun beliau menerajui Jabatan Perkhidmatan Awam. Sememangnya transformasi bukan lagi satu pilihan tetapi satu kemestian agar perkhidmatan yang terbaik dapat disampaikan kepada rakyat.

Haji Abdul Adzis Abas

Ketua Pengarah

Dewan Bahasa dan Pustaka



PRAKATA

Assalamualaikum. Salam 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan dan Salam Transformasi.

Umpama aur dengan tebing, begitulah diibaratkan perkhidmatan awam dan agenda transformasi. Gagasan dan idea transformasi yang melingkari dan mengelilingi wacana-wacana utama perkhidmatan awam pada hari ini, menjadi begitu ketara. Perbahasan mengenai transformasi pula, bukan sekadar berkisar tentang konsep dan prinsipnya semata-mata, bahkan dilihat menerusi lensa yang lebih luas dari segi praktikaliti dan operasinya.

Kejayaan-kejayaan signifikan Transformasi Perkhidmatan Awam seperti peningkatan kecekapan tadbir urus atau *good governance*, penyuburan dan pemeliharaan integriti penjawat awam, yang turut diperhebatkan dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif berimpak tinggi menerusi gandingan kolaboratif strategik secara lautan biru telah menjadi testimoni yang nyata untuk dinikmati dan dimanfaatkan oleh rakyat. Maka, menyedari bahawa segala intipati kejayaan ini tidak diraih dalam tempoh yang singkat, setiap pengisahan episod kejayaan ini telah dilakar menerusi ucapan-ucapan saya dalam pelbagai program dan acara.

Ucapan adalah citra karya kepada dinamika pemikiran dan gaya paradigma seseorang pemimpin. Setiap lafaz kalimat ucapan pula mencerminkan naluri kebijaksanaan dan wajah hikmah kepada seseorang pemimpin. Justeru, saya amat berbesar hati di



PRAKATA

atas penerbitan buku ini yang merupakan kompilasi ucapan saya sepanjang menjawat jawatan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Ke-21.

Menjadi sesuatu yang menggembirakan saya, kelak naskhah berharga ini tidak hanya menjadi khazanah dan sumber pengetahuan yang disisip kemas kepada pengkajian dan penyelidikan akademik, tetapi juga turut menyumbang bakti kepada mereka yang dahagakan ilmu dan mencari ilham dalam memahami makna sebenar agenda Transformasi Perkhidmatan Awam. Selamat membaca!

Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia



X

PENGHARGAAN

EDITOR

Pejabat KPPA
Dewan Bahasa dan Pustaka

PENYELIDIK

Pegawai Khas KPPA
Pasukan Komunikasi KPPA
Dewan Bahasa dan Pustaka

SUMBER FOTO

Nazer Abdul Wahab
Megat Mohd Firdaus Megat Ahmad

KERJASAMA

Jabatan Perkhidmatan Awam
Dewan Bahasa dan Pustaka



XI



PENGHARGAAN KHAS



JPA

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

KOLEKSI UCAPAN KPPA 2013

DAN INOVASI MENJANA MODAL INSAN PRODUKTIF”

Perasmian dan ucaptama

hg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal

18 -19 Novemb | Pulau Pinang



**SEMINAR INOVASI SEKTOR AWAM PERINGKAT
KEBANGSAAN 2013**

**18 NOVEMBER 2013 (ISNIN)
HOTEL GURNEY, PULAU PINANG**

Saya berasa gembira kerana buat pertama kalinya, seminar ini dapat dianjurkan secara kolaboratif antara Universiti Sains Malaysia (USM) dengan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Kolaboratif dalam menjayakan sesuatu program atau aktiviti seperti ini adalah antara bentuk transformasi yang kita inginkan dalam perkhidmatan awam. Tiada lagi istilah bekerja secara silo dalam perkhidmatan awam.

Jalinan kerjasama atau kolaboratif ini merupakan cerminan pendekatan yang kreatif dan inovatif untuk menterjemahkan hasil dengan lebih cepat dan berkesan kepada *stakeholders* dan juga pelanggan. Kolaboratif proaktif ini amat digalakkan dan wajar dikembangkan, lebih-lebih lagi memandangkan program kerjasama ini dapat menyumbang secara langsung terhadap usaha meningkatkan kebolehan dan keupayaan perkhidmatan awam ke tahap yang begitu signifikan. Syabas INTAN dan USM.

Secara sedar ataupun tidak, kita menghuni dunia yang bercirikan perkara yang penuh dengan ketidaktentuan. Ketidaktentuan ini

“Kolaboratif dalam menjayakan sesuatu program atau aktiviti seperti ini adalah antara bentuk transformasi yang kita inginkan dalam perkhidmatan awam. Tiada lagi istilah bekerja secara silo dalam perkhidmatan awam.”

wujud di mana-mana, bersifat dinamik dan universal serta dialami oleh masyarakat sedunia. Lihat sahaja isu-isu pergolakan politik, kemelesetan ekonomi, keganasan, keselamatan siber, wabak penyakit, perubahan iklim dunia, dan yang terkini, pelbagai

malapetaka alam semula jadi. Rata-ratanya telah membawa impak yang begitu ketara kepada kebanyakan negara, kerajaan, perkhidmatan awam dan masyarakat. Desakan perubahan akibat daripada ketidaktentuan ini berlaku terlalu pantas dan menyentuh pelbagai dimensi pentadbiran, ekonomi dan sosial.

Umpamanya, pergolakan kewangan yang berlaku disebabkan kemelesetan ekonomi dunia pada Oktober 2008 telah mencetuskan krisis perhutangan di Eropah. Kita menyaksikan negara-negara yang pada suatu ketika dianggap sebagai mempunyai status ekonomi yang kukuh dan stabil, kini telah mengalami kegoyahan dan kemerosotan. Kelemahan struktural dalam pengurusan ekonomi telah menyebabkan negara seperti Greece menghadapi kemerosotan ekonomi yang ketara. Negara-negara seperti Ireland, Portugal dan Sepanyol turut mengalami kesan yang sama. Masalah pengangguran dalam kalangan negara tersebut juga merumitkan lagi kedudukan ekonomi mereka sekali gus menjadi pencetus terhadap tekanan sosial yang membimbangkan. Di Sepanyol, kadar pengangguran telah meningkat sehingga mencapai kadar 27 peratus, iaitu setiap seorang daripada empat orang penduduk Sepanyol dilaporkan tidak mempunyai mata pencarian.

Di samping kemelut ekonomi yang melanda dunia, fenomena alam semula jadi dan perubahan iklim dunia yang sukar diramal juga menjadi salah satu punca ketidaktentuan di kebanyakan negara dan masyarakat. Contohnya, gempa bumi di Jepun yang dikenali sebagai The Great East Japan Earthquake pada tahun 2011, disusuli pula dengan gelombang tsunami, telah merobek ekonomi negara Jepun dengan kerugian yang dianggarkan sekitar AS\$235 bilion, iaitu kos kerugian paling tinggi pernah dicatatkan dalam sejarah akibat fenomena alam semula jadi. Terbaharu, Ribut Taufan Haiyan telah melanda negara jiran kita, Filipina, dan mengakibatkan kemusnahan harta benda yang paling dahsyat juga dengan korban nyawa yang begitu tinggi.

Pergolakan politik turut menyumbang terhadap arus perubahan yang melanda. Hal ini tidak terhad pada fenomena yang berlaku



di negara-negara membangun, tetapi juga dalam kalangan negara maju. Situasi di Amerika Syarikat, kejadian “US Government Shut Down” menyaksikan penutupan operasi kerajaan Amerika Syarikat selama 16 hari, iaitu mulai 1 Oktober 2013 merupakan contoh yang baik. Keadaan ini timbul akibat kebuntuan antara pentadbiran Presiden Barrack Obama dengan pihak Kongres dan Senat Amerika Syarikat untuk mencapai persetujuan bagi meluluskan perundangan peruntukan kewangan tahun fiskal 2014. Walaupun keadaan tersebut dapat diselamatkan apabila persetujuan interim dicapai antara pihak Kongres dengan Senat Amerika Syarikat, namun kejadian tersebut telah membawa situasi parah terhadap ekonomi Amerika Syarikat yang masih dalam proses pembaikpulihan, malah nyaris menggugat ekonomi global.

Ledakan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), khususnya Internet dan alat komunikasi mudah alih telah membawa impak yang begitu besar terhadap kehidupan manusia. Kini, individu, masyarakat mahupun negara bagaikan berada dalam sebuah perkampungan global. Segala aktiviti politik, ekonomi dan sosial sangat dipengaruhi oleh TMK. Berbekalkan kecanggihan teknologi, kita boleh mendapatkan semua maklumat yang ingin diketahui dalam sekelip mata, ibarat “dunia di hujung jari”. Secara positifnya, kita mendapat banyak manfaat daripada kemajuan ini. Di samping itu, kita juga telah menyaksikan transformasi dalam ekosistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dan sektor swasta. Jika suatu ketika dahulu perkhidmatan disampaikan secara fizikal, contohnya melalui kaunter perkhidmatan, kini pelanggan berupaya memperoleh perkhidmatan yang sama secara lebih cepat, cekap dan mengikut penyelesaian masing-masing.

Tetapi, dari sudut yang lain, gelombang ledakan teknologi turut membawa kesan negatif jika tidak dimanfaatkan secara bijaksana. Lihat sahaja aktiviti penipuan di Internet seperti penularan skim cepat kaya, pemalsuan dokumen dan kecurian maklumat peribadi yang sangat mudah berlaku. Penyalahgunaan teknologi seperti ini akan memberikan kesan negatif terhadap kesejahteraan individu, keluarga dan masyarakat serta berupaya menggugat keselamatan

“Kini, individu, masyarakat mahupun negara bagaikan berada dalam sebuah perkampungan global. Segala aktiviti politik, ekonomi dan sosial sangat dipengaruhi oleh TMK. Berbekalkan kecanggihan teknologi, kita boleh mendapatkan semua maklumat yang ingin diketahui dalam sekelip mata, ibarat ‘dunia di hujung jari’.”

dan keamanan negara. Perkembangan ini mempamerkan kuasa teknologi baharu khususnya media sosial dalam mempengaruhi minda dan tingkah laku masyarakat.

Iktibar daripada semua ini, kompleksiti dunia masa kini boleh mencetuskan perubahan yang begitu ketara, bukan kerana kegagalan perancangan, tetapi faktor di luar kawalan berikutan ketidaktentuan persekitaran. Patrick Dixon, seorang pakar *Futures Thinking* menyatakan bahawa tidak kira sama ada pada peringkat individu, masyarakat ataupun negara, dunia kini semakin saling berhubung kait dan bergantung antara satu sama lain. Apa-apa sahaja yang berlaku di sesebuah negara atau komuniti boleh memberikan kesan secara langsung atau tidak langsung kepada negara dan komuniti yang lain. Penerima Pulitzer Prize, Thomas Friedman, telah mengetengahkan konsep *The World is Flat* bagi mencerminkan dunia pada abad ke-21. Kini cerminan itu menjadi realiti.

Cabaran globalisasi dan liberalisasi yang merupakan pemboleh upaya sejagat turut mempengaruhi prestasi daya saing negara. Perkara ini memaksa kita melihat semula peranan, strategi, program



“Senario ini ialah petunjuk jelas bahawa zaman *business as usual* benar-benar telah berakhir. Setiap negara di dunia sedang mencari-cari jalan penyelesaian yang tuntas dan cuba menjana formula baharu yang lebih kreatif dan inovatif bagi menangani dinamik ketidaktentuan ini secara lebih berkesan.”

dan aktiviti sedia ada secara berterusan. Perkara ini juga menuntut kita menjajarkan kepelbagaian bakat, peningkatan pengetahuan serta kemahiran modal insan bagi memastikan negara terus berdaya saing. Kini kita telah berganjak daripada ekonomi yang berasaskan pengeluaran kepada ekonomi berasaskan pengetahuan atau K-Ekonomi.

Tunjang K-Ekonomi ialah pemerksaan sumber manusia yang berpaksikan penguasaan ilmu yang merupakan kuasa baharu dalam era globalisasi. Penguasaan faktor ilmu ini perlu diperhebat ke arah mengembangkan pembudayaan kreativiti dan inovasi dalam kalangan sumber manusia negara.

Selain itu, arah aliran perubahan yang berlaku dalam persekitaran kita turut dipengaruhi perkembangan secara eksponen dalam bidang sains dan teknologi yang memacu pelbagai pembaharuan dari segi ekonomi, sosial, produk dan proses baharu serta penghasilan inovasi. Senario ini ialah petunjuk jelas bahawa zaman *business as usual* benar-benar telah berakhir. Setiap negara di dunia sedang mencari-cari jalan penyelesaian yang tuntas dan cuba menjana formula baharu yang lebih kreatif dan inovatif bagi menangani dinamik ketidaktentuan ini secara lebih berkesan.

Respons kerajaan Malaysia terhadap landskap baharu global yang turut mempengaruhi persekitaran domestik yang semakin mencabar bukan sekadar “tunggu dan lihat”. Sebaliknya, kerajaan telah bertindak secara strategik dan tegas dengan merangka dan melaksanakan agenda transformasi yang holistik serta meletakkan kehendak rakyat sebagai fokus utama agenda tersebut. Dengan kata lain, mendahulukan rakyat dan mengutamakan pencapaian.

Respons ini dapat kita lihat daripada perancangan program dan penyusunan strategi ke arah memenuhi kehendak rakyat di samping menjaga kepentingan negara melalui empat program di bawah agenda transformasi negara, iaitu Program Transformasi Kerajaan dengan tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA; Program Transformasi Ekonomi dengan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara atau NKEA; Program Transformasi Politik; dan Program Transformasi Sosial.

Agenda tersebut sebenarnya amat penting bagi negara. Agenda tersebut juga merupakan kesinambungan dasar utama sebelum ini bagi merealisasikan Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi. Perkhidmatan awam sebagai tunjang negara telah bertindak sebagai pelaksana bagi semua inisiatif di bawah empat program transformasi tersebut. Segala kejayaan yang dimanifestasikan melalui pencapaian petunjuk utama program tersebut telah diperolehi berdasarkan kapasiti perkhidmatan awam sedia ada.

“Peranan ini bukan lagi *efficiency-driven* semata-mata. Lonjakan prestasi yang diharapkan daripada perkhidmatan awam hanya boleh tercapai melalui agenda berpaksikan inovasi.”



Setelah menerajui usaha pelaksanaan agenda transformasi negara selama hampir empat tahun sejak pengenalannya pada tahun 2009, kini sudah tiba masanya untuk kita memberikan tumpuan terhadap pemerkasaan keupayaan dan kebolehan perkhidmatan awam untuk membawa obor transformasi negara pada tahap yang jauh lebih tinggi. Perkhidmatan awam sekali lagi perlu membuat anjakan dalam peranannya supaya selari dengan permintaan baharu dan ketidaktentuan persekitaran global. Namun yang pasti, peranan ini bukan lagi *efficiency-driven* semata-mata. Lonjakan prestasi yang diharapkan daripada perkhidmatan awam hanya boleh tercapai melalui agenda berpaksikan inovasi atau *innovation-driven*.

Penjawat awam berkaliber, berinovatif, kreatif dan berintegriti merupakan asas kepada hasrat merealisasikan anjakan paradigma perkhidmatan awam. Perkhidmatan awam dalam era transformasi harus memaparkan ciri-ciri keterbukaan, fleksibiliti, berhala tuju jelas, inklusif serta mempunyai rangkaian proses kerja yang mantap, tangkas lagi komprehensif.

Sebarang perbincangan mengenai kebolehan dan keupayaan perkhidmatan awam berdasarkan ciri-ciri yang diperincikan tadi akhirnya bergantung pada kualiti modal insan yang menganggotainya. Keperluan menjana modal insan yang produktif melalui kreativiti dan inovasi seharusnya menjadi asas terhadap agenda meningkatkan peranan, fungsi dan tanggungjawab perkhidmatan awam dalam era yang penuh dengan cabaran tanpa batas.

Kajian dan penyelidikan berkaitan pembangunan inovasi oleh firma perunding, KPMG, menunjukkan bahawa penjana inovasi tidak ada kaitan yang signifikan dengan peruntukan bajet bagi proses penyelidikan dan pembangunan atau prestasi kewangan sesuatu organisasi. Faktor teknologi dan proses kerja juga bukan penentu cetusan dan pengembangan inovasi.

Berdasarkan petikan daripada hasil bahan penerbitan yang dikeluarkan oleh *Global HR Transformation Centre of Excellence*, KPMG (2013), “... *the most successful corporate innovation*”.



strategies are the ones that predominantly focus on people and human capital. These include finding, engaging and incentivising key talent for innovation, creating a culture of innovation by promoting and rewarding entrepreneurship and risk taking and developing innovation skills for all employees”.

Keutamaan dalam penajaan modal insan yang berpemikiran dinamik dan berupaya menganjak sendiri paradigma ke arah lebih kreatif dan inovatif seharusnya menjadi keutamaan pengurusan sumber manusia dan organisasi masa kini. Dalam banyak keadaan, pengurusan sumber manusia yang dipaparkan hanya berperanan sebagai *housekeeper* dengan fungsi penyelenggaraan semata-mata. Bahagian sumber manusia dalam sesebuah organisasi jarang-jarang sekali dilihat sebagai rakan strategik dalam organisasi.

Bagi memenuhi permintaan terhadap perkhidmatan awam yang tidak terbatas dan selari dengan aliran perubahan yang berkehendakkan pembaharuan, pelbagai pembaharuan dilaksanakan secara pantas dengan nilai tambah yang tinggi, maka pendekatan dalam mengurus organisasi dan sumber manusia harus beranjak daripada fungsi operasi dan transaksi kepada fungsi berteraskan elemen strategik dan inklusif di samping mengambil kira prinsip *outside-in*.


Keupayaan untuk melihat perspektif persekitaran melalui spektrum yang lebih luas dan secara lebih kritikal amat perlu bagi memastikan organisasi beroleh pencapaian prestasi yang menakjubkan dan keberhasilan di luar dugaan. Cabaran bagi pengurusan tertinggi, tidak kira di sektor awam mahupun sektor swasta, adalah bagaimana kita dapat menjadikan pengurusan sumber manusia sebagai bidang yang strategik bagi memacu perkhidmatan teras organisasi. *In other words we must make HR a strategic partner to drive the mission-critical business of our organisations through a people-based innovation agenda.*

Sehubungan dengan hal ini, Dave Ulrich, pentadbir bahagian sumber manusia guru dan profesor di Ross School of Business,



JPA

11



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
TAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

LAKARAN KEMBARA TRANSFORMASI

TAN SRI
MOHAMAD
ZABIDI
ZAINAL

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

Lakaran Kembara Transformasi: Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam merupakan koleksi pemikiran dan aspirasi yang luhur daripada suara nurani Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Malaysia yang ke-21. Buku ini merupakan pemurnian hasrat beliau melalui idealisme, cetusan gaya berfikir, intelektualisme, aktivisme serta gagasan dan iltizam sepanjang mendepani badai dan gelora bergelar KPPA. Agenda Transformasi Perkhidmatan Awam – sebuah ceritera perjalanan yang mendukung wawasan YAB Perdana Menteri dan Ketua Setiausaha Negara – telah diletakkan batu asasnya oleh beliau sebaik sahaja memegang tampuk kepimpinan Jabatan Perkhidmatan Awam. Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam bertunjangkan lima teras strategik yang merangkumi aspek bakat, organisasi, penyampaian perkhidmatan, keterangkuman dan nilai, menjadi antara ramuan terbesar yang membentuk kerangka ucapan beliau dalam setiap program, aktiviti dan mesyuarat utama. Berbekalkan pengalaman, ketajaman pengamatan dan kebestarian hikmah, beliau mengadun segala ilmu yang dikutip menerusi pengembaraan perkhidmatannya yang begitu luas – dari sebuah desa di negeri Melaka ke mercu perdana di Putrajaya – merentas pelbagai spektrum perkhidmatan pada peringkat daerah, pentadbiran kerajaan negeri, latihan dan pendidikan luar negara, kementerian dan agensi persekutuan. Penerbitan kompilasi ucapan Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal ini amat wajar dijadikan renungan, rujukan dan sumber ilham dalam memahami dan menelusuri pemikiran beliau yang terbukti berjaya mencapai pelbagai kejayaan agenda Transformasi Perkhidmatan Awam.

